

PEMBANGUNAN INSANIAH PELAJAR MUSLIM

MOHD RADHI IBRAHIM



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

PEMBANGUNAN
INSANIAH
PELAJAR MUSLIM

PEMBANGUNAN INSANIAH PELAJAR MUSLIM

Mohd Radhi Ibrahim



Penerbit Usim
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2010

Cetakan pertama 2010

© Hak cipta terpelihara Universiti Sains Islam Malaysia 2010

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh

Penerbit USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul khusus

Telefon: 06-798 8226 / Fax: 06-798 6083

Dicetak oleh:

Legasi Press Sdn Bhd

No. 60(Ground Floor), Jalan Metro Perdana Timur 11

Kepong Entrepreneur Park

52100 Kuala Lumpur

Telefon: 03-6250 5190 / Fax: 03-6250 8190

Email: legasi@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd Radhi Ibrahim

Pembangunan insaniah pelajar muslim / Mohd Radhi Ibrahim

ISBN 978-967-5295-48-5

1. Muslim students-Conduct of life.

2. Muslim students-Religious life.

I. Judul.

371.828297

KANDUNGAN



KATA PENGANTAR	vii
PENDAHULUAN	ix
BAB 1 : JATI DIRI SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH	1
BAB 2 : JATI DIRI SEBAGAI PELAJAR DAN PEMIKUL AMANAH	9
BAB 3 : KEIKHLASAN NIAT	15
BAB 4 : MENGUASAI ILMU AGAMA	21
BAB 5 : ILMU DAN AMAL	29
BAB 6 : MENGHARGAI NIKMAT ILMU	35
BAB 7 : PENYUCIAN JIWA	39
BAB 8 : HUBUNGAN DENGAN PENCIPTA	55
BAB 9 : HUBUNGAN DENGAN MANUSIA	67
BAB 10 : HUBUNGAN DENGAN ALAM	73
PENUTUP	77
BIBLIOGRAFI	79

KATA PENGANTAR



Pembangunan insaniah merupakan satu aspek penting dalam pembangunan pelajar semasa berada di pusat pengajian tinggi. Pelajar yang mempunyai keupayaan insaniah yang tinggi akan dapat menjadikan dirinya sebagai aset penting kepada masyarakat dan Negara.

Buku bertajuk *Pembangunan Insaniah Pelajar Muslim* merupakan satu usaha yang dilakukan oleh penulis bertujuan untuk membantu pelajar Muslim agar mampu membina cara berfikir sendiri yang diasaskan kepada acuan ajaran Islam. Keseimbangan dalam memahami konsep asas agama turut dikupas dalam buku ini. Penjelasan tersebut diharap dapat membolehkan pelajar untuk memahami konsep yang agak abstrak dalam Islam seperti ikhlas, takwa dan *tazkiyah al-nafs* secara lebih mudah. Paling penting ialah untuk membolehkan pelajar untuk mengaplikasikan konsep tersebut dalam kehidupan harian.

Buku ini juga mengandungi idea yang menjawab persoalan yang sering menghantui pelajar seperti kenapa saya perlu cemerlang, kenapa saya perlu tingkatkan budaya membaca dan kenapa saya perlu menguasai bidang ilmu yang saya pelajari. Diharap penulisan ini akan membantu pelajar dalam menjawab persoalan-persoalan tersebut.

Kepada penulis tahniah diucapkan di atas kejayaan menyiapkan dan menerbitkan buku ini. Semoga usaha ini akan menjadi sumbangan yang positif kepada pembangunan minda pelajar Muslim seterusnya menjadi asas kepada pembangunan insaniah pelajar Muslim yang cemerlang.

Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah

Timbalan Naib Canselor

Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Universiti Sains Islam Malaysia

PENDAHULUAN



Segala puji bagi Allah SWT yang dengan izin-Nya penulisan ini dapat direalisasikan. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabatnya serta mereka yang mengikuti ajarannya hingga ke hari kiamat.

Buku *Pembangunan Insaniah Pelajar Muslim* bertujuan untuk membantu pelajar membentuk cara berfikir yang positif dalam menghadapi cabaran semasa bergelar sebagai pelajar dan selepasnya. Buku ini juga bertujuan untuk membantu melahirkan warga pelajar bersifat *al-Abrar*, iaitu manusia yang sentiasa melakukan kebaikan tanpa mengharapkan sebarang balasan selain daripada Allah SWT.

Penulisan ini mengulas berkenaan isu-isu yang menjadi bahan pergelutan pemikiran di kalangan mahasiswa di Pusat Pengajian Tinggi. Ia berkait rapat dengan isu pembentukan jati diri, memburu kecemerlangan, penguasaan ilmu, budaya membaca hinggalah kepada beramal dan berbakti kepada masyarakat.

Buku ini mengandungi 10 bab yang dimulakan dengan bab jati diri sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Bab ini mengulas berkenaan peranan diri pelajar sebagai hamba Allah swt dan juga khalifah-Nya. Perkara ini dilihat penting untuk memastikan pelajar mengenali diri seterusnya dapat mengelakkan daripada terjerumus ke lembah krisis identiti yang sering kali menggugat kehebatan pelajar Muslim.

Bab kedua menghuraikan berkenaan jati diri pelajar sebagai penuntut ilmu dan pemikul amanah. Bab ini menjelaskan berkenaan perkara yang perlu diketahui oleh pelajar dalam melaksanakan tugasnya sebagai penuntut ilmu dan juga sebagai pemikul amanah.

Keikhlasan niat pula menjadi topik perbahasan dalam bab ketiga. Ia merupakan perbincangan sederhana bersifat huraian yang dilihat dapat membantu pelajar memahami konsep ini dengan lebih baik. Bab keempat pula membincangkan berkenaan peranan menguasai ilmu agama (*tafaqquh fi al-Din*). Penguasaan ilmu ialah satu *fardu kifayah* yang perlu dilaksanakan oleh pelajar dalam bidang masing-masing. Untuk mencapai tujuan tersebut antara ciri penting yang perlu diamalkan ialah budaya membaca yang tinggi. Untuk menghadapi fenomena malu membaca di kalangan pelajar, pengenalan tentang diri atau jati diri pelajar hendaklah jelas dan

betul. Jika pelajar mengenal diri, rasa malu membaca akan dapat dihapus.

Bab kelima membicarakan berkenaan kepentingan beramal dengan ilmu yang diketahui. Melalui pengamalan ajaran agama pelajar menuju ke arah kesempurnaan diri dengan maksud ketaatan kepada perintah Allah SWT. Demikian juga ilmu yang dipelajari hendaklah digunakan untuk membentuk cara berfikir pelajar dalam menghadapi cabaran semasa.

Bab keenam mengulas tentang penghargaan terhadap nikmat ilmu. Jika pelajar bersyukur kepada Allah SWT di atas nikmat ilmu yang diperoleh nescaya Allah SWT akan menambahkan lagi nikmat ilmu tersebut. Untuk menghargai ilmu daripada pelbagai bahasa, pelajar perlu mempunyai tahap penguasaan yang baik. Oleh itu, fokus untuk menguasai bahasa Arab dan Inggeris perlu ditingkatkan di samping bahasa ibunda. Melalui ilmu dan juga keberadaan pelajar IPT proses transformasi diri perlu dilakukan pada tahap yang maksima. Perubahan ke arah positif perlu ditingkatkan bagi membangunkan potensi diri pelajar secara optimum.

Penjelasan berkenaan kepentingan penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) pula dibincangkan di bab ketujuh. Pengabaian terhadap aspek ini boleh menyebabkan graduan yang dilahirkan akan pincang dengan ilmu yang banyak tetapi akhlak yang tidak terpuji. Masalah masyarakat juga dilihat berkait rapat dengan penyakit hati yang ada dalam diri setiap ahlinya. Seterusnya, pelajar didedahkan dengan sebahagian nilai kemuliaan akhlak yang dituntut dalam Islam.

Bab kelapan menjelaskan mengenai hubungan antara manusia dengan penciptanya iaitu Allah SWT. Ibadah solat adalah asas kepada hubungan tersebut. Penghayatan terhadap solat juga merupakan kunci kepada kejayaan setiap individu. Bab kesembilan menghuraikan berkenaan hubungan dengan manusia, manakala bab kesepuluh mengulas berkenaan hubungan pelajar dengan alam semula jadi.

Semoga usaha segala idea dan buah pemikiran yang dibentangkan dalam buku ini menjadi bahan sokongan bagi membantu pelajar membentuk cara berfikir yang selari dengan ajaran agama Islam. Diharapkan juga dapat membantu melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri mantap dan mampu memberikan sumbangan kepada diri sendiri, masyarakat, negara dan ummah. Segala kebaikan yang dihasilkan adalah daripada rahmat dan nikmat Allah SWT manakala sebarang kelemahan dan kekurangan adalah kesilapan dan kekurangan penulis. Mudah-mudahan usaha kecil ini dapat menyumbangkan ke arah pembangunan pelajar Muslim yang holistik dan dinamik.

Sekian terima kasih.

Dr. Mohd Radhi Ibrahim
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia

PENUTUP



Tujuan utama penulisan ini ialah untuk memberikan panduan kepada pelajar Muslim dalam menghadapi cabaran semasa berada di pusat pengajian tinggi. Pelajar didedahkan dengan aspek awal berkenaan mengenal diri untuk membolehkan pelajar membina jati diri sebagai seorang hamba, khalifah, penuntut ilmu dan juga pemikul amanah. Oleh itu, pelajar hendaklah menjadi seorang yang berilmu berdisiplin dan bertakwa kepada Allah SWT. Sehubungan dengan itu juga, penekanan terhadap niat yang ikhlas kepada Allah swt turut diberi penekanan awal agar perjalanan pelajar dalam pengajiannya disertai oleh arah tuju yang jelas dan betul. Dalam menghadapi cabaran dan ujian dalam proses tersebut pelajar hendaklah sentiasa menjadikan ketakwaan sebagai panduan dan benteng hidupnya.

Penguasaan pelajar terhadap ilmu agama adalah objektif utama bagi pelajar yang mendalami bidang ini. Oleh itu pembudayaan membaca di setiap tempat perlu diadakan dan ditingkatkan. Sikap malu yang negatif untuk membaca di luar bilik kuliah atau perpustakaan perlu dikikis oleh pelajar. Setelah memahami dan menguasai ilmu yang dipelajari pelajar juga hendaklah mengamalkan ilmu tersebut dalam kehidupan harian. Kegagalan untuk mengamalkan ilmu tersebut akan menyebabkan pelajar kerugian di dunia dan juga akhirat.

Dalam membina diri sebagai seorang individu yang universal sifatnya, pelajar hendaklah sering menggunakan bahasa Arab dan bahasa Inggeris di luar bilik kuliah dan tutorial. Hanya dengan menggunakan bahasa tersebut secara berterusan pelajar akan dapat menguasainya dengan baik. Segala usaha perlu ditingkatkan agar pelajar mampu untuk mengubah diri ke arah yang lebih baik. Perkara ini boleh dilakukan melalui pelbagai cara seperti Program Transformasi Diri (PTD).

Di samping menuntut ilmu dan menguasainya pelajar juga perlu melakukan penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*). Ini merupakan satu keperluan untuk membersihkan hati dari sifat-sifat keji (*mazmumah*) seperti *takabbur*, riyak, dengki dan cinta dunia secara negatif. Sehubungan dengan itu pelajar hendaklah sentiasa melakukan *mujahadah* melawan hawa nafsu. Pelajar juga perlu memberikan perhatian kepada mencari kebenaran dari setiap permasalahan yang timbul. Neraca kebenaran hendaklah diasaskan kepada al-Quran, Hadis, pandangan sahabat, pandangan ulama, hujah akal dan juga ketenangan fitrah yang suci. Kecukupan bukti dalam hal ini akan lebih mendekatkan pelajar kepada jalan yang lurus (*sirat al-mustaqim*) yang sering dipohon ketika menunaikan solat.

Hubungan dengan Allah SWT merupakan asas terpenting dalam mencari ilmu dan keredhaan-Nya. Solat fardu lima waktu merupakan perantara (*wasilah*) terbaik untuk pelajar berhubung dengan Allah SWT. Oleh itu ia wajar dilakukan secara terbaik dari sudut masa, cara dan kaedah pelaksanaannya. Tumpuan hati dan kefahaman terhadap ayat yang dibaca adalah kunci untuk mencapai khusyuk dalam solat yang merupakan lesen untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

Di samping melakukan ibadah khusus seperti solat, puasa dan zakat, pelajar juga dikehendaki untuk melakukan pelbagai bentuk perbuatan baik yang memberi faedah kepada manusia dan alam seluruhnya. Amalan kebaikan pula wajar dilakukan kerana kebaikannya dan kerana ia diperintahkan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW. Bukan kerana untuk mengharapkan balasan keduniaan semata-mata. Pergantungan harapan dan ganjaran hanya kepada Allah SWT akan membolehkan pelajar Muslim termasuk dalam golongan yang dipuji Allah SWT dan diberikan kedudukan yang tinggi di akhirat kelak iaitu golongan *al-Abrar*.

BIBLIOGRAFI



- Al-Quran al-Karim.
- Al-Attas. Syed Muhammad Naquib. 1979. *Aim and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- Abd Allah Abd al-Daim. 1984. *Al-Tarbiyyah Abr al-Tarikh*. Beirut: Dar al-Ilmi Li al-Malayin.
- *Abd al-Karim Zaidan. 1992. *Usul al-Da'wah*. . Baghdad. Maktabah al-Quds.
- *Abd al-Malek Ahmad. 1995. *Social Ethics Of Islam*. edisi terjemahan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Daud. t.t. *Sunan Abi Daud*. Beirut. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- *Ali *Abd al-Halim Mahmud. 1995. *al-Tarbiyah al-Ruhiyyah*. cet. 1. al-Qahirah. Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Al-Baghdadi. Abu Mansur. 1928. *Kitab 'Usul al-Din*. Istanbul: Matba'ah al-Dawlah.
- Al-Bukhari. 1994. *Sahih al-Bukhari*. al-Qahirah: Dar al-Fikri.
- Franz Rosenthal. 1970. *Knowledge Triumphant*. Leiden. E.J. Brill.
- Al-Ghazali Abu Hamid. 1986. *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Majah. t.t.. *Sunan Ibn Majah*, ed. Muhammad Fu'ad *Abd al-Baqi, Beirut: Dar al-Nashr.
- Izutsu, Toshihiko. 1993. *Ethico-Religious Concepts In The Qur'an*. edisi terjemahan. Yogyakarta: P.T. Tiara Wacana Yogya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1997. *Pengurusan Pendidikan Bersepadu* Kuala Lumpur.
- Malik B. Anas. 1985. *al-Muwatta'*. Beirut. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Mohd Radhi Ibrahim. 2006. *Akidah dan Pembangunan Tamadun*. Kuala Lumpur: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, KUIM.
- Muhammad Yusuf Khalid. Syamsul Bahri A. Galigo & M. Radhi Ibrahim. 2002. *Isu Dakwah Dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Fakulti Dakwah & Pengurusan Islam. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Muslim, 1987, *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi
- Al-Muttaqi, *Ala' al-Din, al-Hindi. 1998. *Kanz al-'ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-'Af'al*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi. 1993. *Malamih al-Mujtama' al-Muslim*. cet. 1. al-Qahirah: Maktabah al-Wahbah.
- _____, 2001. *al-Aql wa al-Ilm fi al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Sa'id Hawa. 1988. *al-Mustakhlis Fi Tazkiyat al-Nafs*. 1988. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Saim. Muhammad. 1988. *Qimat al-'Aql Fi al-Islam*. al-Qahirah: Maktabah al-Zahra.
- Sami *Afifi Hijazi. 1991. *al-Madkhal Lidirasah al-Falsafah al-Islamiyyah: Qadaya Wa Munaqasat*. al-Qahirah: Dar al-Taba'ah al-Muhammadiyyah.

- Syed Abdurahman Syed Hussin. 1998. Kepentingan Zikir Dalam Mendidik Rohani Dan Jasmani Pendakwah". dlm. *Jurnal Usuluddin*. Bhg. Peng. Usuluddin. Akademi Pengajian Islam. Univ. Malaya. bil.8. hlm.137.
- Sayyid Siddiq 'Abd al-Fattah. 1987. *al-Sa'adah Kama Yaraha al-Mufakkirun*. Beirut: Mu'assasah 'Izzu al-Din Li al-Taba'ah wa al-Nasyr.
- Stapa, Zakaria. 2001. Insan Kamil: Ciri dan Proses Pembentukan. dlm. *Jurnal Afkar*. Jab. Akidah & Pemikiran Islam. Akademi Peng. Islam. Univ. Malaya. bil.2.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Zawiyah Md. Sari. 2000. *Bicara Islam Semasa: Koleksi Tulisan Dr. Ismail Hj. Ibrahim*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- <http://audio.islamweb.net/audio/index.php?page=FullContent&audioid=20290>, 17/08/2010.



Pembangunan Insaniah Pelajar Muslim

Karya sederhana ini mengulas berkenaan isu-isu penting berkaitan dengan kehidupan mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi. Antara isu yang diperbincangkan ialah berkenaan pembentukan jati diri, melahirkan niat yang ikhlas dan penyucian jiwa. Penulisan ini juga turut mengulas berkenaan cabaran mahasiswa dalam memburu kecemerlangan melalui penguasaan ilmu dan budaya membaca hinggalah kepada beramal dan berbakti kepada masyarakat. Semoga dapat membantu melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri al-Abrar, iaitu mereka yang melakukan kebaikan kerana Allah SWT lalu diganjar dengan anugerah yang istimewa di akhirat kelak.

Mohd Radhi Ibrahim, Sarjana Muda Usuluddin (al-Azhar), Sarjana Usuluddin (Malaya), Doktor Falsafah (Edinburgh). Beliau ialah pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Akidah dan Falsafah.

